



قوسٲ كبحسان ٲاي-كراجان
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
E-GOVERNMENT NATIONAL CENTRE

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**SURAT PEMBERITAHUAN
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
BILANGAN 01/2021**

Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Dimuliakan / Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap
Ketua-Ketua Jabatan
Negara Brunei Darussalam

Pengiran/Pehin/Dato /Datin/Tuan/Puan,

**TATACARA PEROLEHAN PERISIAN MICROSOFT DIBAWAH
MICROSOFT ENTERPRISE AGREEMENT (MSEA)**

Dengan hormatnya sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menandatangani pembaharuan kontrak Microsoft Enterprise Agreement (MSEA) bersama dengan Syarikat Microsoft (Brunei) Sdn Bhd bagi tempoh tiga (3) tahun mulai dari 1 November 2020 hingga 31 Oktober 2023.

2. Untuk makluman, Kontrak MSEA adalah merupakan satu perjanjian yang membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendapatkan perisian produk-produk Microsoft dengan kadar harga yang ditentukan dengan faedah *Software Assurance* (SA), iaitu jaminan perisian yang diberikan oleh Microsoft bagi struktur perlesenan secara *Enterprise Agreement Perpetual*.

3. Bersama ini disertakan garispandu mengenai tatacara perolehan perisian Microsoft di bawah Microsoft Enterprise Agreement (MSEA) berserta dengan kadar harga dan senarai produk-produk Microsoft.

4. Surat Lembaga Tawaran Kecil (LTK) bilangan: (10) KPH/S/LTK/EGNC/PM/4.1/9.2020 bertarikh 19 Jamadilakhir 1442 / 02 Februari 2021 adalah berkenaan dan dirujuk.

Sekian sahaja yang dapat disembahkan/dimaklumkan untuk perhatian dan makluman Tuan Peramba/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan mengenainya.

"Hutan Adalah Warisan Negara"

[MAZRIYANI BINTI HJ. ABDUL GHANI]

Pengarah

Rujukan Kami : (63)EGNC/SK/1

Tarikh : 25 Rejab 1442/ 9 Mac 2021

s.k.- YM Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.